

**BAHAGIAN I****PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN AGENSI PERSEKUTUAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019****Perkara Utama**

**Apa yang** Penyata Kewangan Agensi Persekutuan:

**diaudit?**

- Badan Berkanun Persekutuan
- Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah
- Agensi Persekutuan lain

**Mengapa ia** Memenuhi keperluan perundangan antaranya seperti berikut:

**penting**

- Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan

**untuk**

- Seksyen 5, Akta Audit 1957 (Akta 62)

**diaudit?**

- Seksyen 5, Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240)
- Akta Tubuh Agensi
- Pekeliling Perbendaharaan Malaysia

- Memberi pendapat sama ada penyata tersebut menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

**Apa yang** Sebanyak 69 penyata kewangan telah dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara setakat 30 September 2020. Selain itu, sebanyak 36 penyata

kewangan bagi tahun 2018 yang telah dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara tetapi tidak dilaporkan dalam LKAN tahun 2018. Butirannya adalah seperti dalam jadual berikut:

BIL.	PERKARA	TAHUN KEWANGAN	
		2019	2018
<b>PENDAPAT TANPA TEGURAN</b>			
1.	1.1. Tanpa Teguran	51	15
	1.2. Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i>	11	8
<b>PENDAPAT BOLEHUBAH</b>			
2.	2.1. Berteguran	7	12
	2.2. Penafian Pendapat	-	1
<b>JUMLAH</b>		<b>69</b>	<b>36</b>

Analisis Audit bagi item penyata kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2019, antaranya seperti berikut:

### **1. Kerja Dalam Kemajuan**

Agensi Persekutuan tidak menjelaskan dasar perakaunan bagi Kerja Dalam Kemajuan (KDK) bagi aset tak ketara dalam Nota kepada Penyata Kewangan; KDK yang telah siap tidak dipermodalkan sebagai aset atau aset tak ketara; KDK terkurang nyata kerana agensi tidak merekodkan wang jaminan pelaksanaan atau denda lewat; dan tiada perincian bagi KDK.

### **2. Terimaan Tidak Dikenal Pasti**

Setakat 31 Disember 2019, terimaan tidak dapat dikenal pasti adalah sejumlah RM25.84 juta melibatkan 10 Agensi Persekutuan. Daripada nilai keseluruhan, hanya sejumlah RM5.21 juta atau 20.2% terimaan tidak dapat dikenal pasti telah diselesaikan pada tahun kewangan 2019 manakala baki sejumlah RM20.63 juta atau 79.8% akan diambil tindakan susulan dalam tahun kewangan 2020. Antara punca isu ini berlaku adalah disebabkan oleh pendeposit dan tujuan pembayaran tidak dapat ditentukan, kesilapan perekodan serta tiada prosedur operasi standard yang jelas.

### **3. Hartanah Pelaburan**

Sebanyak tiga (3) isu Audit berkaitan hartaanah pelaburan dibangkitkan melibatkan tiga (3) agensi. Isu bagi hartaanah pelaburan melibatkan Agensi Persekutuan tidak menjelaskan asas pengiktirafan hartaanah pelaburan dalam Nota Kepada Penyata Kewangan; hartaanah pelaburan terkurang nyata disebabkan kesilapan dalam pengiraan susut nilai; dan bangunan yang disewakan tidak diklasifikasikan sebagai hartaanah pelaburan.

### **4. Lebihan Atau Kurangan Terkumpul**

Peningkatan lebihan terkumpul berjumlah RM4.629 bilion pada tahun berakhir 2019 berbanding tahun berakhir 2018 antaranya adalah disebabkan oleh peningkatan pendapatan Bank Negara Malaysia dan keuntungan Kumpulan Wang Amanah Negara.

## **5. Analisis Nisbah Hutang**

Sebanyak 25 daripada 62 Agensi Persekutuan yang diberikan sijil dengan Pendapat Tanpa Teguran telah mencatatkan nisbah hutang antara 0.5 hingga 2. Keadaan ini menunjukkan sebahagian besar operasi Agensi Persekutuan tersebut dibayai oleh pinjaman dan geran Kerajaan.

## **6. Aset Luar Jangka Dan Liabiliti Luar Jangka**

Daripada 69 Agensi Persekutuan, sebanyak empat (4) Agensi Persekutuan telah membuat pendedahan berkaitan Aset Luar Jangka manakala sebanyak 15 Agensi Persekutuan telah membuat pendedahan berkaitan Liabiliti Luar Jangka.

## **7. Kakitangan Pengurusan Utama**

Sebanyak 57 daripada 69 Agensi telah membuat pendedahan dalam Nota Kepada Penyata Kewangan mengenai Manfaat Kepada Kakitangan Pengurusan Utama berjumlah RM90.57 juta. Sebanyak tujuh (7) Agensi Persekutuan tidak membuat pendedahan Manfaat Kakitangan Pengurusan Utama dalam Nota Kepada Penyata Kewangan manakala pendedahan berkenaan Kakitangan Pengurusan Utama adalah tidak berkaitan bagi lima (5) Agensi Persekutuan.

## **8. Kesan Pandemik Covid-19**

Sebanyak 13 Agensi Persekutuan telah membuat pendedahan berkaitan kesan Covid-19. Bagaimanapun, memandangkan pandemik Covid-19 ini berlaku pada tahun 2020, ia tidak memberi kesan kepada lebihan atau kurangan terkumpul dalam Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 2019. Pendedahan kesan Covid-19 yang dibuat melibatkan peruntukan kerugian kredit pada tahun 2020; pengecualian sewa selama enam (6) bulan; pemberian diskaun bil elektrik; penangguhan bayaran balik pinjaman latihan; pengurangan bilangan kursus, latihan dan persidangan fizikal akibat daripada langkah pengurangan kos oleh perniagaan dan belanjawan latihan yang rendah.

**Syor Audit** Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

- Agensi Persekutuan perlu mengemukakan penyata kewangan mengikut tempoh masa yang ditetapkan selaras dengan Akta 240;
- Pihak pengurusan Agensi Persekutuan hendaklah mengambil tindakan proaktif dan berkesan bagi menyelesaikan semua isu yang dibangkitkan; dan
- Unit Audit Dalam/Naziran/Jawatankuasa Audit hendaklah berperanan untuk memastikan kecekapan dalam operasi dan tadbir urus melalui kawalan dalaman yang berkesan.